28 Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Wangi pada 1 Julai 2019.

	RM
Kenderaan (kos)	60 000
Susut nilai terkumpul	11 400

Kenderaan disusutnilaikan pada kadar 10% menggunakan kaedah baki berkurangan.
Kenderaan tersebut dijual pada harga RM42 500 pada 30 Jun 2020.
Berapakah untung atau rugi pelupusan kenderaan tersebut?

A Rugi pelupusan RM1 240

B Untung pelupusan RM1 240

C Rugi pelupusan RM6 100

D Untung pelupusan RM6 100

29 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Alif.

Pulangan belian RM420 kepada Pembekal Samad tersilap catat sebagai RM402 dalam kedua-dua akaun.

Bagaimanakah kesilapan ini diperbetulkan dalam Jurnal Am?

A

Jurnal Am

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Pembekal Samad	18	
Pulangan Belian		18

B

Jurnal Am

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Pulangan Belian	18	
Pembekal Samad		18

C

Jurnal Am

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Pembekal Samad	420	
Pulangan Belian		420

D

Jurnal Am

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Pulangan Belian	420	
Pembekal Samad		420

[Lihat halaman sebelah

Koleksi Percubaan PPA SPM 2020

30 Imbangan Duga berikut diperoleh daripada SS Enterprise pada 30 Jun 2020.

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Lengkapan	12 000	
Inventori 1 Julai 2019	2 000	
Bank	2 300	
Pulangan masuk	200	
Pulangan keluar		400
Komisen diterima		800
Belian	15 000	
Jualan		20 000
Gaji	2 400	
Modal		12 000
Kadar bayaran	1 000	

Selepas Imbangan Duga disediakan, kesilapan berikut dikesan :

(i) Inventori pada 30 Jun 2020 ialah RM870

(ii) Pulangan masuk dan pulangan keluar masing – masing terkurang rekod sebanyak RM60

(iii) Kadar bayaran sebanyak RM300 telah direkod sebagai gaji

Berapakah untung bersih selepas kesilapan dibetulkan?

A RM190

B RM540

C RM610

D RM1 470

31 Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Kedai Rozi.

	RM
Inventori awal	2 150
Inventori akhir	1 800
Aset semasa	12 000
Aset bukan semasa	30 000
Liabiliti semasa	6 000
Liabiliti bukan semasa	20 000

Berapakah nisbah semasa bagi Kedai Rozi?

A 1 : 1

B 1.5 :1

C 2 : 1

D 2.4:1

[Lihat halaman sebelah

Koleksi Percubaan PPA SPM 2020
CNO @ Nurzaiki Online

32 Makumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Iskandar yang tidak menyimpan rekod perniagaan dengan lengkap.

	1 September 2019	**31 Ogos 2020**
Lengkapan	10 000	8 000
Inventori	6 000	5 200
Bank	18 000	20 000
Akaun Belum Terima	4 200	3 700
Akaun Belum Bayar	2 800	4 100

Berapakah untung atau rugi perniagaan?

A Untung RM2 600

B Untung RM6 200

C Rugi RM2 600

D Rugi RM6 400

33 Pn Normala, pemilik perniagaan Salun Kecantikan Bidadari telah tidak menyimpan rekod perniagaannya dengan lengkap. Butir-butir berikut diambil daripada buku perniagaannya pada 31 Disember 2019.

	RM
Baki Akaun Belum Terima 1 Januari 2019	5 428
Diskaun diberi	340
Pulangan keluar	270
Peruntukan hutang ragu	450
Hutang lapuk	140
Jualan kredit	6 840
Baki Akaun Belum Terima pada 31 Disember 2019	3 862

Berapakah jumlah penerimaan tunai oleh Salun Kecantikan Bidadari ?

A RM7 560

B RM7 290

C RM7 926

D RM6 700

34 Apakah tujuan Penyata Penyesuaian Bank disediakan?

A Menyemak kesilapan di Buku Tunai dan di Penyata Bank

B Menyelaraskan baki di Buku Tunai dan baki di Penyata Bank **C** Merekodkan aliran wang dalam Buku Tunai dan Penyata Bank

D Mengenalpasti ketepatan catatan di Buku Tunai dan di Penyata Bank

[Lihat halaman sebelah

Koleksi Percubaan PPA SPM 2020

35 Kedai Mari Maju Bersama telah membuat Belanjawan Tunai dengan anggaran penerimaan tunai dam pembayaran tunai bagi bulan November 2020 seperti berikut:

	RM
Jualan tunai	13 980
Bayaran kepada pembekal	6 600
Bayaran oleh pelanggan	5 300
Sewa kedai	500
Gaji pekerja	800
Hasil komisen	550
Belian tunai	7 890
Kadar bayaran	650

Hitungkan lebihan/kurangan tunai bagi bulan November 2020.

A RM3 390

B RM4 890

C RM5 990

D RM7 390

36 Item-item berikut termasuk di dalam Akaun Pengasingan Untung Rugi. Apakah item yang direkodkan di sebelah debit Akaun Pengasingan Untung Rugi?

IFaedah atas ambilan

II Faedah atas

modal III Gaji pekongsi

IV Ambilan

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

Koleksi Percubaan PPA SPM 2020
CNO (c) Nurzuki Online

37 Syarikat Berjasa Berhad telah menerbitkan 500 000 unit syer biasa pada harga RM1.00 sesyer. Semua syer tersebut telah dilanggan dan dibayar penuh. Bagaimanakah ianya direkodkan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan?

A Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019

Ekuiti Pemilik	**RM**
Modal Diterbitkan dan Berdaftar Penuh	
500 000 unit syer biasa	500 000

B Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019

Ekuiti Pemilik	**RM**
Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh	
500 000 unit syer biasa	500 000

C Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019

Ekuiti Pemilik	**RM**
Modal Awal Syer Biasa	
500 000 unit syer biasa	500 000

D Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019

Ekuiti Pemilik	**RM**
Modal Akhir Syer Biasa	
500 000 unit syer biasa	500 000

38 Apakah tujuan penyediaan Akaun Penerimaan dan Pembayaran disediakan?

A Untuk menghitung penerimaan dan pendapatan tunai **B** Untuk menghitung pembayaran dan perbelanjaan tunai **C** Untuk merekodkan penerimaan dan pembayaran tunai

D Untuk merekodkan baki penerimaan dan baki pembayaran tunai

Koleksi Percubaan PPA SPM 2020

39 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Kelab Futsal Berjaya.

	1 Januari 2019 RM	31 Disember 2019 RM
Yuran belum terima	-	230
Yuran belum terperoleh	140	50

Jumlah yuran yang sepatutnya diterima untuk tahun 2019 ialah sebanyak RM3 440. Berapakah jumlah yuran yang direkodkan di dalam Akaun Penerimaan dan Pembayaran?

A RM3 760

B RM3 580

C RM3 300

D RM3 120

40 Pasangan manakah yang **benar** tentang komponen kos yang direkodkan dalam Akaun Pengeluaran?

	Butir	Komponen Kos
A	Kos bahan langsung + Belanja langsung + Kos Overhed	Kos Prima
B	Kos bahan langsung + Kos buruh langsung + Belanja langsung	Kos Prima
C	Kos Prima + Belanja langsung	Kos Overhed
D	Kos Prima + Kos Bahan langsung	Kos Overhed

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

Koleksi Percubaan PPA SPM 2020